

Konsep Kendiri Remaja (part 5)

Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya

a) Pengaruh guru dan kaunselor

Remaja yang bermasalah biasanya berasa malu dan tidak mahu memberitahu tentang masalahnya kepada ibu bapa atau anggota keluarga mereka. Mereka akan mencari orang yang dipercayai untuk menyatakan masalah seperti guru dan kaunselor. Jika guru atau kaunselor berjaya mendampingi remaja dan menghayati jiwa mereka, dengan mudah mereka berpendapat “ orang ini dapat memahami kehendak saya”. Remaja tidak boleh didampingi dengan kekerasan, terlalu berdisiplin dan menyalahkan mereka apabila melakukan perbuatan yang salah. Guru dan kaunselor berupaya memandu remaja ke arah yang positif dan membawa mereka rapat dengan keluarga. Tetapi guru dan kaunselor tidak boleh terlibat secara jauh dalam masalah remaja bagi mengelakkan remaja terlalu bergantung kepada mereka. Jadi, tidak hairanlah mengapa remaja sering kali berubah peribadi dan tingkah lakunya. Kadangkala mereka begitu sopan, malu, lemah lembut tetapi dalam keadaan dan suasana yang lain, mereka lebih agresif, berani dan kasar. Kesemua tingkah laku ini bukan disengajakan, tetapi itulah kenyataan.

Setiap orang mempunyai kebaikan ataupun kekuatan sendiri. Tidak ada pengecualian. Walau bagaimanapun, manusia juga mempunyai keburukan dan kelemahan. Orang yang mempunyai konsep kendiri positif dapat menerima kelemahan diri dan akan cuba sedaya upaya bagi memperbaiki kelemahan diri. Remaja yang mempunyai konsep kendiri negatif tidak berani menghadapi cabaran dan sentiasa cuba mengelakkan diri daripada cabaran ataupun tanggungjawab. Ini kerana, remaja yang mempunyai konsep kendiri negatif takut menghadapi kegagalan. Remaja yang mempunyai konsep kendiri negatif mempunyai emosi dan mental yang mudah dipengaruhi oleh unsur-unsur luar kerana tiada keyakinan, tidak berpendirian dan tidak tabah. Remaja ini mudah dipengaruhi dan mudah terjerumus dengan aktiviti yang tidak baik. Emosi dan mental yang kurang stabil menyebabkan mereka tidak dapat berfikir dan bertindak dengan betul.

b)